

PDPR Bahasa Melayu

[10 markah]

Arahan : Bahagian ini mempunyai 5 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu **A, B, C** dan **D**. Bulatkan jawapan yang paling tepat bagi setiap soalan.

1. Encik Amir Berjaya membeli _____ rumah banglo setelah 12 tahun bekerja.


A sebuah

B sebilah

C sebidang

D sebutir

2. Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



Ammar dan keluarganya makan tengah hari bersama-sama. _____
makan di sebuah restoran makanan laut.

A Dia

B Kita

C Kalian

D Mereka

3. Nabil tidur _____ pukul 10.00 malan setiap hari.

A kecuali

B hingga

C pada

D dengan

4. Pemandangan di sekeliling rumah Syaza sangat _____ .

A indah

B segar

C lembut

D harum

Lihat halaman sebelah

SULIT

5. Sarjan Khairul menasihati Encik Wong _____ berhati-hati ketika memandu.

A bahawa
B untuk
C supaya
D yang

6. Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.



Daun-daun kering yang gugur di bawah pokok _____ oleh kakak.

A dikutip
B disapu
C dikumpulkan
D ditebas

Soalan 7 hingga 10.

Arahan: Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada hari Sabtu yang lalu, Kelab Keceriaan Sekolah Kebangsaan Pelangi Indah mengadakan gotong-royong menceriaikan dan membersihkan Taman Sains sekolah. Aktiviti ini dijalankan untuk memastikan persekitaran sekolah menjadi bersih dan ceria. Semua ahli kelab berkumpul di Taman Sains pada pukul 8.00 pagi. Sebelum bergotong-royong, mereka telah dibahagikan kepada beberapa kumpulan agar tugas dapat dilakukan dengan teratur dan cepat.

Mereka perlu mengecat pagar taman, menyapu daun-daun kering, membersihkan kolam ikan dan membuang sampah sarap yang terdapat di taman itu. Mereka melakukan tugas-tugas yang telah diarahkan dengan penuh rasa tanggungjawab. Guru penasihat kelab, iaitu Cikgu Iqbal dan Cikgu Farah berpuas hati dengan kerjasama yang ditunjukkan oleh semua ahli kelab. Setelah selesai bergotong-royong, mereka pulang ke rumah pada pukul 11.30

Lihat halaman sebelah
SULIT

pagi. Semua ahli kelab berasa sangat gembira kerana dapat menceriakan kawasan sekolah

- 7 Di manakah ahli Kelab Keceriaan Sekolah berkumpul sebelum bergotong-royong?
- | | |
|-------------------|---------------|
| A Taman Pelangi | C Taman Bunga |
| B Taman Rama-rama | D Taman Sains |
8. Apakah aktiviti yang dilakukan oleh ahli Kelab Keceriaan Sekolah sebelum memulakan gotong-royong?
- A Membahagikan ahli kumpulan.
 - B Makan dan minum bersama-sama.
 - C Mencari peralatan kebersihan.
 - D Melihat persekitaran sekolah.
9. Tujuan utama mereka bergotong-royong adalah untuk ...
- A mengisi masa lapang.
 - B menyertai pertandingan Sekolah Ceria.
 - C memastikan persekitaran sekolah bersih dan ceria.
 - D memupuk kerjasama dan permuafakatan.
10. Semua yang berikut ialah aktiviti yang dilakukan oleh ahli Kelab Keceriaan Sekolah, kecuali ...
- A mengecat pagar taman.
 - B menyiram pokok bunga.
 - C menyapu daun-daun kering.
 - D membersihkan kolam ikan.

Lihat halaman sebelah
SULIT

Soalan 2

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

berkala	obesiti	lemah	kekuatan	kesihatan
---------	---------	-------	----------	-----------

Senaman penting untuk _____ kita. Akibat tidak mengamalkan aktiviti senaman ia boleh menyebabkan kegemukan atau _____ kerana banyak lemak yang terkumpul di dalam badan.

Kita perlu membakar lemak di dalam badan dengan melakukan aktiviti bersenam secara _____ agar badan kita menjadi cergas. Tubuh badan akan menjadi _____ apabila kurang melakukan aktiviti senaman.

Badan kita tidak dapat membina _____ dan daya tahan otot. Tulang dan sendi juga akan turut menjadi lemah menyebabkan kita menjadi lesu.

[5 markah]

-TAMAT-